

**MUQRI' DALAM TALAQQI AL-QURAN MENURUT AL-IMĀM AL-NUWAYRĪ
DALAM MUQADDIMAH SYARĤ ṬAYYIBAH AL-NASYR FĪ AL-QIRĀĀT AL-'ASYR**

Mujahid Bin Ahmad Lutfi, Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Bin Mohamad

mujahidlutfi@gmail.com

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Amalan *talaqqi* al-Quran merupakan satu Sunnah yang amat mulia dan perlu dijaga keaslian dan keabsahannya sesuai dengan apa yang diwariskan oleh Nabi Muḥammad SAW dan para ulama sejak zaman berzaman hingga ke hari ini. Keistimewaan umat Islam terserlah dalam amalan *talaqqi* berguru dan bersandarkan kepada sanad yang merupakan susur galur berterusan sehingga kepada Nabi Muhammad SAW. Kertas kerja ini membincangkan syarat-syarat yang diletakkan oleh oleh al-Imām al-Nuwayrī (m.857H) berkaitan seseorang yang mempunyai gelaran *muqri'* atau pun seorang yang mengajar al-Quran. Perkara ini dijelaskan dalam kitab beliau yang bertajuk Syarḥ Ṭayyibah al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-'Asyr. Pemahaman berkaitan syarat *muqri'* ini penting kerana ia berkait rapat dengan kaedah pengajian al-Quran berasaskan *talaqqi* dan pengijazahan sanad yang diamalkan secara semakin meluas dalam kalangan umat Islam mutakhir ini. Kajian ini dijalankan berdasarkan metode kualitatif secara penelitian terhadap teks kitab Syarḥ Ṭayyibah al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-'Asyr. Justeru, kajian ini mendapati bahawa seorang *muqri'* perlu menjaga hal-hal khusus berkenaan keahliannya sebagai *muqri'* dari segenap sudut seperti akhlak, penampilan, ilmu dan adab-adab dalam halaqah pengajian. Selanjutnya, beliau perlu mengetahui tahap dan kepakaran yang layak diajar olehnya selari dengan apa yang dipelajari daripada gurunya. Bahkan, kajian ini juga menjelaskan secara ringkas hukum mengajar al-Quran di jalanan dan hukum mengambil upah mengajar al-Quran menurut fuqaha.

Kata Kunci: *muqri'*, al-Nuwayri, Tayyibah

ABSTRACT

The process of *talaqqi* al-Quran is a practice of Sunnah and must be preserved in its authenticity, as it has been inherited by the Prophet Muhammad SAW and the Islamic scholars from their times consistently until today. This process shows the uniqueness of the Muslims, that is based on the sanad which is a continuous strain of up to Prophet Muhammad SAW. This paper discusses the requirements listed by al-Imām al-Nuwayrī (p.857H), related to a person who has the title of *muqri'* or who teaches the Quran. This is explained in his book entitled Syarh Tayyibah al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-'Asyr. The understanding of the terms of *muqri'* is important because it is closely related to the method of Quranic study, based on *talaqqi* and recognition of sanad, which is widely practiced among modern Muslims nowadays. This study was conducted based on qualitative methods of research on the text of the book of Syarh Tayyibah al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-'Asyr. Thus, this study found that a *muqri'* must preserved of his expertise as a *muqri'* from all angles such as morals, appearance, knowledge and manners in the field of study. Further, he needs to be expert on the areas of knowledge of the Quran that he qualified to teach, must be correctly such as he has learned from his teacher. In fact, this study also explains briefly the law of teaching the Quran on the street and the law of getting paid by teaching Quran according to fuqaha.

Keywords: *muqri'*, al-Nuwayri, Tayyibah

1. Pendahuluan

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci terakhir yang diturunkan oleh Allah Taala kepada Nabi Muḥammad SAW. Ia diriwayatkan secara mutawatir¹ sejak diturunkan sehingga ke hari ini (1441H), walaupun sudah menjangkau lebih seribu tahun. Proses periwayatan al-Quran merupakan sesuatu yang sangat unik dan istimewa. Jika kita mencari sebuah kitab yang dipelajari atau pun dibaca oleh umat manusia, nescaya kita tidak akan menjumpai sebuah kitab pun yang dipelajari dan diambil berat seumpama kitab suci al-Quran. Ini adalah satu fakta yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun kerana al-Quran dibaca mengikut kaedah-kaedah yang tersendiri, berlainan dengan mana-mana bacaan lain, bahkan di dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa perantaraan al-Quran (Ibn al-Jazarī, 2006, 1:12-13). Kaedah bacaan al-Quran adalah berlainan dengan bacaan dalam bahasa Arab sendiri, sebagaimana ia dikenali dengan nama ilmu tajwid al-Quran. Menurut 'Iṣāmuddin Aḥmad Bin Muṣṭafa (1421H, 106) dan Zakaria al-Anṣārī (t.t, 15), setiap individu yang ingin membaca al-Quran wajib membacanya mengikut

¹ Mutawatir adalah periwayatan satu kumpulan daripada satu kumpulan dalam setiap generasi ke generasi yang mustahil berlaku kesepakatan mereka akan berbohong. Lihat al-Qastallānī, *Laṭā'if al-Isharāt Li Funūn al-Qirāāt* (al-Su'ūdiah: Mujamma' Malik Fahd Li Ṭibā'ah al-Muṣhaf al-Sharīf, 1434H), 1:124.

kaedah yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ibn al-Jazarī (2006, 3) menyebut secara jelas mengenai ini :

والأخذ بالتجويد حتم لازم # من لم يصحح القرآن آثم

لأنه به الإله أنزلا # وهكذا منه إلينا وصلا

Maksudnya: Mengambil Tajwid itu adalah sesuatu yang wajib # Sesiapa yang tidak bertajwid dalam membaca al-Quran adalah berdosa

Kerana ia diturunkan oleh Allah sebegitu # Dan begitulah ia sampai kepada kita.

Walau bagaimanapun, Ibn al-Jazarī (2007, 21) dan al-Suyūṭī (2006, 1:276) menerangkan bahawa mempelajari ilmu tajwid secara terperinci dengan memahami setiap *makharijul huruf* (tempat keluar huruf), mengenal pasti setiap sifat-sifat huruf, mengetahui setiap hukum-hukum yang terkandung dalam bacaan seperti mad, dengung, qalqalah dan seumpamanya adalah *farḍu kifāyah* yang merupakan kewajipan yang terangkat jika sebahagian umat Islam sudah melaksanakannya. Jelaslah bahawa kepentingan mempelajari ilmu tajwid al-Quran adalah satu kewajipan yang tertakluk ke atas umat Islam, seiring dengan kaedah periwayatan al-Quran yang berbeza dengan disiplin ilmu yang lain. Ini kerana seorang murid tidak akan dapat diklasifikasikan sebagai mahir dalam bacaan al-Quran, melainkan dia telah membaca di hadapan guru berdasarkan kaedah-kaedah sebenar dalam membaca al-Quran.

2. Pengertian *Qirāāt*, *Qāri'* dan *Muqri'*

a) *Qirāāt* adalah kata jamak daripada kata tunggal *qirāah*. Ia berasal daripada kata dasar قرأ yang bermaksud bacaan (Ibn Manẓūr, t,t, 128). Dari sudut istilah pula, menurut Ibn al-Jazarī (2007, 8), *qirāāt* bermaksud satu disiplin ilmu berkenaan cara menyebut kalimāt al-Quran dan khilaf-khilaf berkaitannya, dengan menisbahkan kepada orang menaqqalkannya.

b) *Qāri'* adalah *ism fā'il* daripada perkataan قرأ. Ia bermaksud orang yang membaca al-Quran al-Karim (Ibn Manẓūr, t,t, 129).

c) *Muqri'* pula adalah *ism fā'il* daripada perkataan أقرأ. Maksudnya dari sudut bahasa ialah orang yang membacakan al-Quran kepada orang lain ataupun mengajarkannya. Dari sudut istilah,

muqri' bermaksud seorang yang mahir dalam bacaan al-Quran dan meriwayatkannya secara *musyāfahah* (Ibn Manzūr, t.t, 129-130). Andaikata dia menghafal sesuatu kitab,² dilarang baginya mengajar isi kandungan kitab tersebut jika dia tidak *bertalaqqi* secara *musyāfahah* dengan seorang guru secara bersambung sanadnya sehingga Nabi Muhammad SAW.

Al-Qāri' al-Mubtadi' ialah seorang yang belajar sehingga tiga riwayat bacaan sahaja. *Al-Qāri' al-Muntahī* pula ialah seorang yang meriwayatkan lebih daripada itu daripada bacaan al-Quran (Ibn al-Jazarī, 2007, 8).

3. Syarat-Syarat Seorang *Muqri'* dan Apa Yang Perlu Dijaga Olehnya

Menjadi kewajipan ke atas seorang *muqri'* untuk melazimi dirinya dengan sifat-sifat seperti berikut :

a) Sifat-sifat umum

Menurut al-Nuwayrī (2003, 1:54), seorang *muqri'* mestilah melazimkan dirinya dengan sifat-sifat yang mulia. Antaranya dia mestilah berilmu, berakal, bebas, seorang muslim yang mukallaf, tidak bersifat dengan sifat-sifat fasiq dan perkara yang menjatuhkan maruah. Jikalau sesuatu yang menjatuhkan maruah itu tersembunyi, maka ia tidak diambil kira kerana sesuatu yang dihukum adalah yang zahir di mata manusia. Seorang murid tidak perlu mencari-cari aib gurunya yang tidak zahir dan jelas di mata mereka.

Muqri' juga hendaklah mengikhlasakan niat kerana Allah Taala dalam setiap amalannya. Antara tanda-tanda seseorang itu ikhlas menurut Dhu al-Nūn al-Miṣrī ialah : Tiada celaan dan pujian dalam dirinya terhadap orang awam, tidak menunjuk-nunjuk dalam amalan dan hanya mengharapkan balasan amalan daripada Allah di akhirat kelak (al-Aṣfahāni, 1996, 9:361-362).

b) Akhlak

Seorang Muslim amat dituntut supaya mempamerkan akhlak mulia dalam dirinya. Lebih-lebih lagi apabila dia bergelar *muqri'* iaitu guru yang mengajar al-Quran. Antara akhlak mulia yang perlu disebutkan dalam diri *muqri'* ialah berpada-pada dengan urusan dunia dan zuhud

² Kitab yang dimaksudkan ialah kitab-kitab yang dikumpulkan dan diriwayatkan oleh Ibn al-Jazarī, kemudian dirumuskan dalam kitab al-Nasyr, seterusnya dikenali dengan nama Ṭorīq. Contohnya Ṭorīq al-Miṣbāh merujuk bacaan yang diriwayatkan daripada kitab al-Miṣbah al-Zāhir karangan al-Shahrazūrī.

terhadapnya. Dia juga tidak patut terlampau mengejar habuan keduniaan seperti harta dan pangkat yang menjadi kegilaan kebanyakan manusia. Selain daripada itu, *muqri'* hendaklah sentiasa bersifat sabar, berlemah lembut dan menunjukkan budi pekerti yang mulia seperti menzahirkan riak wajah yang tenang. Sifat warak, tidak tergopoh gapah dan tawaduk juga menjadi cermin bagi seorang *muqri'*, sebagai tanda mengikut sunnah baginda Nabi Muhammad SAW (al-Nuwayrī, 2003, 1:57-58).

Selain daripada itu, al-Nuwayrī (2003, 1:54) juga menjelaskan bahawa *muqri'* perlulah menjauhkan dirinya daripada sifat-sifat keji seperti riak, hasad dengki, mencela orang lain walaupun orang tersebut memang layak dicela, ujub dan merendah-rendahkan orang lain. Al-Kisāi berkata: “Aku pernah mengimami solat Hārūn al-Rashīd, ketika aku terlalu asyik dalam bacaanku, maka aku telah tersalah dalam satu bacaan yang sepatutnya seorang kanak-kanak pun tidak salah membacanya, iaitu pada bacaan ‘لعلهم يرجعون’ (al-Rum:41), aku membacanya ‘لعلهم يرجعون’; Demi Allah tidak sekali-kali Hārūn menyalahkan aku dalam solat, sehinggalah aku memberi salam, beliau bertanya kepadaku : Wahai Kisāi, wajah apakah bacaanmu tadi?, aku berkata: Wahai Amirul Mukminin, seorang Imam juga boleh tersalah, Hārūn berkata: Sekarang jelaslah kepadaku.” (al-Zāhabī, 1988, 1:124). Ini menunjukkan ketinggian peribadi khalifah Hārūn al-Rashīd, dan juga sifat tawaduk al-Kisāi.

Menurut al-Nawawī (t.t, 1:64), seorang *muqri'* hendaklah menjauhkan dirinya daripada membenci murid-muridnya pergi belajar dengan guru lain yang dapat memberi manfaat kepada murid tersebut. Ini adalah satu musibah yang melanda sebahagian guru yang jahil. Ia juga adalah tanda terpesongnya niat dan rosaknya keinginan seorang guru tersebut dalam menyampaikan ilmu. Lebih-lebih lagi, itu menunjukkan bahawa dia tidak ikhlas dalam mencari redha Allah Taala. Sepatutnya dia tidak membenci perkara tersebut, bahkan selayaknya dia berkata: aku mencari ketaatan kepada Allah dan aku telah mendapatnya dengan menyampaikan ilmu.

c) Penampilan

Seorang *muqri'* perlu sentiasa menzahirkan penampilan diri yang baik di khalayak ramai. Ini adalah selari dengan saranan Nabi Muhammad SAW di dalam hadith :

إن الله جميل يحب الجمال

Maksudnya : Sesungguhnya Allah Maha Indah dan amat sukakan keindahan.

(Muslim Bin al-Ḥajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitab (1) al-Īmān, Bāb (38) Tahrīm al-Kibr Wa Bayānuh, Hadith no 147)

Penampilan diri yang baik ini dapat ditonjolkan dengan memakai pakaian yang elok dan mengelakkan diri daripada memakai pakaian yang memberi imej buruk dan tidak sesuai dengan kedudukan seorang *muqri*'. Ini perlu selari dengan 'uruf dan adat masyarakat setempat (al-Nuwayrī, 2003, 1:58).

Hal ini amat penting kerana manusia meletakkan kedudukan seorang guru itu di tempat yang tinggi, lebih-lebih lagi guru al-Quran.³ Oleh itu, seorang guru mestilah menyedari hakikat tersebut dan menghindarkan dirinya daripada melakukan perkara yang merosakkan imej dan kedudukannya. Dalam masa yang sama, dia perlu sentiasa menjaga hati daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya.

Walau bagaimanapun, penampilan diri yang baik itu bukanlah bermaksud dia ingin mencari kemegahan dunia semata-mata, sama ada dari sudut harta, pangkat, kedudukan, pujian manusia atau mahu dipandang mulia oleh orang lain (al-Nuwayrī, 2003, 1:58).

d) Ilmu Yang Perlu dikuasai

Sebelum seorang *muqri*' itu menceburkan dirinya dalam mengajar al-Quran, dia hendaklah menyiapkan dirinya dengan ilmu-ilmu alat yang menjadi asas dalam pembentukan diri seorang guru. Syarat penguasaan ilmu ini disebut oleh al-Nuwayrī (2003, 1:55-57) dan Ibn al-Jazarī (2007: 9-10) sebagaimana berikut :

- I. Memahirkan dirinya dengan ilmu *fiqh* sekadar yang wajib bagi dirinya dalam mengerjakan ibadah. Selanjutnya, dia disunatkan untuk mengetahui lebih daripada kadar yang minima dalam ilmu *fiqh*. Ini supaya dia dapat membimbing para muridnya sekiranya berlaku masalah-masalah berkaitan dalam ibadah mereka.
- II. Menguasai ilmu usuluddin dengan kadar yang mampu menjaga dirinya daripada terjebak dengan perkara syubhah dalam pengajaran al-Quran.

³ Ini digambarkan oleh Nabi SAW dalam hadith : 'خيركم من تعلم القرآن وعلمه'. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab (66) Faḍāil al-Quran, Bāb (21) Khairukum man ta'allam al-Quran Wa 'allahamah , Hadith no 5027.

- III. Menguasai ilmu nahu dan saraf, supaya dapat menerangkan kepada murid-murid berkaitan sebahagian *tawjīh* yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran. Bahkan al-Nuwayrī menyebut ini adalah antara yang paling mustahak bagi seorang *muqri'* bagi mengelakkan kesalahan dalam bentuk bacaan.
- IV. Mengetahui sebahagian daripada ilmu tafsir dan bahasa Arab dengan kadar yang baik.
- V. Tidak diwajibkan untuk menguasai ilmu *nāsikh dan mansūkh* secara terperinci kerana itu adalah syarat bagi Mujtahid. Namun, al-Ja'bari (m.732H) mewajibkan perkara tersebut di sisinya.
- VI. Menghafal isi kitab yang menjadi kandungan bacaan riwayat atau pun qiraat yang diajarkannya. Ini adalah penting supaya tidak berlaku syak dan wasangka dalam wajah-wajah bacaan. Namun, tidaklah menjadi kesalahan jikalau tidak dihafal keseluruhan kitab tersebut, dengan syarat *muqri'* mengetahui dan ingat kaedah-kaedah bacaan sepertimana dia *bertalaqqi* dengan gurunya. Sekiranya berlaku syak dalam mana-mana wajah bacaan, dia hendaklah bertanya kepada orang lain dalam kalangan rakan-rakannya yang mempelajari kitab tersebut, agar dapat dipastikan apakah bacaan yang sebenar. Jika tidak dapat dipastikan, hendaklah dijelaskan perkara tersebut dalam ijazahnya. Apa yang penting, seorang *muqri'* mestilah yakin dengan wajah bacaan yang diriwayatkan dan haram hukumnya meriwayatkan wajah yang tidak diketahui.
- VII. Hendaklah menjauhkan diri daripada mengajar wajah-wajah yang dianggap bagus dari sudut pandangannya, ataupun baik dari sudut bahasa Arab, tanpa mengambil kira aspek riwayat bacaan tersebut. Ibn Mujāhid (2007, 17-18) menjelaskan bahawa seorang *muqri'* yang boleh diterima periwayatannya adalah seorang yang memahami bacaan al-Quran, mengetahui bacaan tersebut dari sudut riwāyah dan dirāyah serta sudut bahasa Arab (nahu dan saraf). Orang yang menghafal secara membuta tuli tanpa memahami langsung maksud bacaan tidak dibenarkan mengambil bacaan daripadanya. Begitu juga, dilarang mengambil bacaan daripada seorang yang hanya mahir dari sudut bahasa tetapi mengabaikan riwayat daripada guru-guru yang muktabar. Walau bagaimanapun, seorang *muqri'* tidak disyaratkan mengetahui keseluruhan ilmu kerana cabang ilmu dalam Islam adalah sangat luas, sedangkan hidup manusia adalah sementara.
- VIII. Mengetahui dengan kadar baik berkaitan keadaan perawi-perawi (rijal) al-Quran dan sanad al-Quran. Al-Nuwayrī juga menegaskan bahawa perkara ini amat penting kerana

menjaga sanad al-Quran merupakan satu kemestian dalam agama Islam. Antara masalah yang berlaku pada setengah pihak ialah mereka membuang nama sebahagian perawi dan memasukkan nama yang lain. Ini adalah satu kesalahan yang tidak patut dilakukan oleh *muqri'*.

e) Adab Dalam Pengajian

Al-Nuwayrī (2003: 58-59) menggariskan beberapa adab berdasarkan ajaran dan amalan ulama terdahulu. Apabila duduk dalam halaqah pengajian, seorang *muqri'* amat dituntut agar duduk menghadap kiblat jika mampu. Cara duduk yang dianjurkan adalah duduk *iftirāsy* (duduk antara dua sujud). Dia juga perlu berada dalam keadaan suci dan berwuduk

Ketika murid membaca al-Quran di hadapannya, *muqri'* perlu menjaga matanya daripada memandang kepada perkara-perkara yang tidak penting dan tiada keperluan. Tangannya juga perlu dijaga daripada bermain-main dengan benda yang tidak perlu, kecuali jika menunjukkan tentang perkara berkaitan pelajaran seperti isyarat kepada bacaan *mad*, *waqaf*, *waṣal*, dan sebagainya.

Antara perkara yang perlu diambil berat oleh *muqri'* ialah keadaan majlis pengajiannya. Dia perlu mengawal keadaan pengajian dengan mengarahkan para murid supaya memberi ruang yang cukup kepada setiap murid untuk duduk dengan selesa. Nabi SAW bersabda :

خير المجالس أوسعها

Maksudnya : Sebaik-baik majlis ialah yang luas kedudukannya.

(Abu Dāwūd, Sunan Abī Dāwūd, Kitab (35) al-Adab, Bāb (14) Fī Si'ah al-Majālis , Hadith no 4820). Bahkan, al-Quran juga menyebut perkara yang sama dalam surah al-Mujadalah ayat 11.

Muqri' juga perlu memberikan setiap murid hak giliran membaca. Setiap murid berhak mendapat giliran mereka untuk membaca di hadapan guru mengikut tertib masing-masing. Siapa yang datang awal akan didahulukan dan yang lewat akan dikemudiankan. Walau bagaimanapun, sekiranya murid yang datang awal sudi memberi gilirannya kepada yang lewat, maka *muqri'* boleh berbuat demikian.

Diriwayatkan bahawa Imām Ḥamzah mendahulukan fuqaha dalam halaqah beliau. Murid pertama yang akan membaca dalam halaqahnya ialah Sufyān al-Thaurī. Diriwayatkan bahawa Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Sulamī dan ‘Āsim pula mendahulukan murid yang bekerja untuk membaca dalam halaqah mereka supaya tidak terlepas daripada waktu bekerja dan pada masa yang sama mereka dapat menyelesaikan pengajian al-Quran. Hakikatnya, amalan al-Sulamī dan ‘Āsim ini adalah untuk murid yang datang solat berjemaah di masjid, dalam keadaan mereka datang pada waktu yang sama. Jika tidak, maka akan didahulukan murid yang datang awal. Sistem giliran ini bukan mengikut umur murid seperti orang tua akan didahulukan daripada orang muda kerana itu adalah sesuatu yang tidak adil.

Hak setiap murid perlu ditunaikan secara adil dan saksama. Seorang *muqri*’ yang bijak tahu keadaan murid-muridnya yang pelbagai. Mungkin ada dalam kalangan muridnya adalah musafir yang datang dari jauh, ada yang mempunyai keperluan tertentu dan sebagainya. Kebijaksanaan *muqri*’ akan dapat mengharmonikan keadaan dalam halaqah pengajiannya supaya tidak berlaku ketidakadilan dalam kalangan murid.

4. Kadar Bacaan

Dalam proses pengajian dan pengajaran *talaqqi* al-Quran, kadar bacaan juga diambil kira sesuai dengan keadaan guru dan murid.

a) Pengajian Dengan Guru

Setiap murid hendaklah membaca di hadapan guru berdasarkan tahap dan kemampuan masing-masing. Ini kerana setiap manusia adalah berbeza tahap kemampuannya. Diriwayatkan bahawa generasi awal mempelajari tiga, lima atau sepuluh ayat al-Quran dalam setiap satu sesi pengajian. Ibn Mas’ud membaca al-Quran di hadapan Nabi SAW bermula daripada awal surah al-Nisa’ sehingga ayat 41 (وجئنا بك على هؤلاء شهيدا) sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukharī. Imām Warsy mengkhatamkan al-Quran di hadapan Imām Nafi’ selama lima puluh hari. Syeikh Najmuddin mengkhatamkan al-Quran di hadapan gurunya Ibn al-Ṣāigh selama tujuh belas hari ketika beliau belajar di Mesir. Ibn al-Jazarī membaca di hadapan Ibn al-Ṣāigh bermula awal surah al-Naḥl sehingga akhir al-Quran dengan jamak qiraat tujuh selama satu minggu (al-Nuwayrī, 2003, 1:60-61). Banyak lagi contoh-contoh yang boleh kita dapati bahawa para ulama

tidak menetapkan syarat sejumlah mana ayat yang boleh dipelajari bagi seorang murid dalam satu sesi pengajian. Ia bergantung kepada tahap dan kemampuan seorang murid tersebut, serta kemampuan seorang guru untuk mendengar bacaan muridnya.

b) Pengajaran Terhadap Murid

Seorang *muqri'* tidak boleh mengajar al-Quran melainkan apa yang telah dibaca dan dipelajari daripada gurunya sahaja. Namun begitu, sekiranya *muqri'* mengetahui atau mendengar sesuatu wajah bacaan lain yang tidak dibaca di hadapan gurunya, maka dia boleh mengajarkan wajah itu kepada anak muridnya, dengan syarat wajah itu adalah benar diriwayatkan daripada guru-guru yang lain. Namun, beliau tidak boleh mengatakan bahawa wajah itu diambil daripada gurunya (al-Nuwayrī, 2003, 1:63).

Persoalan yang timbul adakah seorang *muqri'* boleh mengajarkan wajah-wajah yang diijazahkan kepadanya dalam bentuk “Ijāzah ‘Ām”? Al-Ja’barī membenarkan *muqri'* mengajarkannya secara mutlak. Pandangan jumhur adalah dibenarkan sekiranya *muqri'* mendengar atau membaca wajah tersebut di hadapan guru lain selain daripada gurunya, kemudian dia ingin meninggikan sanadnya ataupun ingin mempelbagaikan jalan sanadnya, dengan menjadikan jalan wajah yang berlainan tadi sebagai (Mutāba’ah) bagi sanadnya. Antara ulama yang pernah melakukan sedemikian adalah Abū Ḥayyān dalam kitab al-Tajrīd. Beliau mengambil wajah-wajah bacaan daripada Ibn al-Bukhāri sebagai (Mutāba’ah). Begitu juga dilakukan oleh Ibn al-Ṣāigh di dalam kitab al-Mustanīr, diambil daripada Kamāl al-Din al-Dharīr, daripada al-Silafī (Ibn al-Jazarī, 2006, 1:64-65). Abū Ma’syar al-Ṭabarī juga meriwayatkan bacaan secara “Ijazah ‘Am”. Para ulama membenarkan riwayat al-Quran dalam bentuk ini dengan syarat seseorang itu mencapai tahap keahlian yang sebenar dalam ilmu al-Quran dan al-Qirāāt (al-Nuwayrī, 2003, 1:63-64).

5. Pengajian dan Pengajaran Al-Quran di Jalanan

Maksud mengajar al-Quran di jalanan ialah seorang guru mendengar bacaan murid di tempat yang bukan dikhususkan untuk belajar seperti di masjid dan bilik-bilik kuliah. Contohnya murid membaca al-Quran ketika guru sedang berjalan, menaiki kenderaan atau sedang melakukan perkara-perkara lain seperti di kedai dan pasar. Perkara ini mungkin terjadi kerana kesibukan

masa guru dan murid. Oleh itu, mereka menggunakan masa-masa kosong guru di celahan kesibukan urusan masing-masing. Ulama berselisih pendapat mengenai perkara ini seperti mana yang dijelaskan oleh al-Nuwayrī (2003, 1:65-66) sebagaimana berikut :

a) Melarang. Antara ulamak yang melarang perbuatan ini ialah Imām Mālik, beliau berkata: Aku tidak mengetahui bahawa al-Quran itu boleh diajar di jalanan.

b) Membenarkan. Diriwayatkan bahawa ‘Umar Bin Abdul ‘Aziz membenarkan perkara ini. Al-Nawawī mengharuskannya dengan syarat *muqri*’ tidak lalai daripada mendengar bacaan murid. Sekiranya dia lalai, hukumnya makruh. Ini dikiaskan dengan larangan Nabi SAW daripada membaca al-Quran dengan guru ketika beliau mengantuk untuk mengelakkan daripada berlaku kesilapan dalam bacaan.

Ibn al-Jazarī berkata: “Aku berkali-kali membaca al-Quran dengan Ibn al-Ṣāigh di jalanan, kadang-kadang kami berdua berjalan, ada ketika beliau di atas tunggangan dan aku berjalan.”

‘Aṭā’ Ibn al-Sāib berkata: “Kami (para pelajar) membaca al-Quran di hadapan Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Sulamī dalam keadaan beliau berjalan kaki.” Al-Sakhāwī berkata: “Sebahagian kaum mencela perbuatan kami yang belajar al-Quran di jalanan, sedangkan kami mengambil contoh tersebut daripada Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Sulamī.”

Penulis berpendapat bahawa hukum mengajar al-Quran di jalanan adalah harus, berdasarkan kisah-kisah dan amalan yang diriwayatkan daripada para ulama terdahulu. Namun, ia hendaklah disertai dengan syarat-syarat seperti yang disebut oleh al-Nawawī. Seorang *muqri*’ yang *mutqin* mampu mendengar bacaan murid dengan baik, sekalipun beliau sedang melakukan perkara lain. *Muqri*’ yang hendak melakukan perkara ini perlu tahu had dan limitasi dirinya dan juga muridnya. Ini untuk mengelakkan daripada berlakunya kesilapan dalam bacaan al-Quran. Sebagaimana *muqri*’ yang mempunyai pelbagai tahap, murid juga mempunyai pelbagai tahap. *Muqri*’ mengetahui dalam kalangan muridnya siapa yang mampu dan siapa yang tidak mampu. Amalan ini juga bukanlah dilakukan setiap hari, namun ia boleh dilakukan sekiranya berlaku kekeangan masa terhadap guru dan murid.

6. Hukum Mengambil Upah Mengajar Al-Quran dan Menerima Hadiah Daripada Murid

Hal ini menjadi pertikaian bagi ulama. Perbezaan pendapat ulama dapat dirumuskan sebagaimana berikut, sebagaimana yang diterangkan oleh al-Nuwayrī (2003, 1:68-69):

a) Pandangan yang melarang. Ini adalah pendapat sebahagian ulama seperti Imām Abu Hanīfah dan al-Zuhrī. Ia adalah berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī (1995, 3:86): “Bacalah al-Quran dan janganlah kamu menjadikannya sumber makanan kamu.” Ini juga adalah kerana ilmu itu diperolehi dengan makna daripada guru, maka tidak sah untuk mengambil upah dengan mengajar al-Quran. Walau bagaimanapun, diriwayatkan bahawa sebahagian ulama mutakhir dalam mazhab Hanafi memandang baik mengambil upah mengajar al-Quran. Ini disebabkan kemerosotan masyarakat ingin mempelajari al-Quran. Larangan mengambil upah akan mengakibatkan masyarakat tidak mempelajari al-Quran (Al-Marghināni, 1417H, 6:297). Namun pendapat al-Hasan, Ibn Sīrīn dan al-Sha’bī ini disertakan dengan syarat *muqri’* tidak meletakkan kadar upah.

b) Pandangan yang membenarkan secara mutlak. Imam Mālik membenarkan upah sama ada *muqri’* meletakkan kadarnya secara bulanan, mingguan, harian, kadar berasaskan juzuk yang dipelajari ataupun *muqri’* tidak meletakkan kadar langsung.. Ulama mazhab Maliki juga berpendapat bahawa tidak mencukupi bagi seorang murid untuk memberi hadiah kepada gurunya secara umum seperti hadiah perayaan. Mereka juga berpendapat upah boleh digantikan dengan hadiah jika bersesuaian dengan ‘uruf masyarakat setempat. Bahkan mereka menetapkan bahawa kadar bayaran itu adalah menjadi tanggungjawab seorang bapa kepada anak-anaknya yang belajar dan kadarnya bergantung kepada kemampuan bapa tersebut.

c) Membenarkan jika meletakkan syarat dan kadar upah. Ini adalah pendapat Mazhab Shāfi’ī. *Muqri’* dibenarkan meletakkan kadar upah berdasarkan surah ataupun ayat yang dipelajari. Menurut pendapat yang lebih tepat dalam mazhab ini, kadar upah juga boleh diletakkan berdasarkan waktu pengajian. Begitu juga tidak disyaratkan penentuan riwayat bacaan dalam pengajian untuk mengambil upah mengajar.

Al-Nuwayrī (2003, 1:69) juga menjelaskan bahawa sebahagian salaf dan khalaf melarang guru menerima hadiah daripada murid kerana sifat warak guru. Ini juga bagi mengelakkan hadiah itu diberi kerana pengajaran al-Quran dan bukan kerana perkara lain.

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis berpandangan bahawa menerima upah dalam mengajar adalah harus, sama ada guru meletakkan syarat ataupun tidak. Asasnya adalah dua perkara iaitu; pertama al-Quran itu sendiri. Kedua adalah masa dan tenaga yang dihabiskan oleh guru untuk mengajar al-Quran. Ia merupakan satu bentuk khidmat dan pekerjaan yang seharusnya diambil kira oleh murid. Ia juga sebagai penghargaan terhadap masa dan kepakaran yang ada pada seorang *muqri'* demi memastikan al-Quran terus dipelajari oleh setiap insan generasi ini dan berterusan hingga ke hari kiamat.

7. Penutup

Tumbuhnya pusat-pusat pengajian al-Quran yang semakin bercambah pada hari ini merupakan satu petanda baik bahawa masyarakat Islam terutamanya di Malaysia mempunyai kesedaran yang meningkat dalam usaha mempelajari al-Quran. Namun begitu, para pencebur bidang al-Quran tidak boleh memandang mudah proses sebenar untuk bergelar *muqri'*, sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Imām al-Nuwayrī dalam bukunya, *Syarḥ Ṭayyibah al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-‘Asyr*. Individu yang mempunyai kelayakan dari sudut akademik dan disahkan oleh guru sahaja seharusnya dibenarkan untuk mengajar al-Quran, sama ada di institusi awam atau pun swasta.

Untuk itu, seorang *muqri'* perlu mengambil berat dan mematuhi syarat-syarat yang wajib ke atas dirinya dalam proses pengajian dan pengajaran al-Quran. Sebelum bergelar *muqri'*, dia haruslah mempersiapkan dirinya dengan segala ilmu yang diperlukan dengan kadar yang melayakkan dirinya bergelar *muqri'*. Setelah bergelar *muqri'* pula, dia perlu menitik beratkan segenap aspek merangkumi akhlak, penampilan diri dan adab-adab ketika berada dalam halaqah pengajian. *Muqri'* tidak boleh mengambil mudah perkara ini kerana ia melibatkan pengajaran al-Quran melalui proses *talaqqi* dan *musyāfahah*.

Antara isu yang menjadi pertikaian dalam kalangan ulama ialah pengajian al-Quran di jalanan. Pendapat pilihan penulis ialah ianya adalah harus berdasarkan dalil dan amalan para ulama terdahulu. Isu mengambil upah dalam pengajaran al-Quran juga menimbulkan polemik

dalam masyarakat Islam. Setiap pandangan mempunyai dalil dan hujah masing-masing. Penulis cenderung kepada pendapat yang mengharuskan kerana ia selari dengan hujah yang dikemukakan oleh para ulama. Lebih-lebih lagi dalam meniti arus moden sesuai dengan zaman ini, pengajaran al-Quran tidak boleh dipandang enteng dan lesu. Malah, ia mesti diberikan hak yang selayaknya supaya al-Quran dipandang tinggi oleh masyarakat, bahkan diletakkan di martabat yang tinggi sebagai *dustur ilahi* yang menjadi pedoman sepanjang zaman.

Rujukan

Abu Dāwūd, Sulaimān Bin al-Ash'ath. (1419H). *Sunan Abī Dāwūd, Mawsū'āt al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Ṣāliḥ Ibn 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaikh. Riyadh: Dār al-Salām Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.

Al-Aṣḥāhānī, Aḥmad Bin 'Abdillah. (1996). *Ḥilyah al-Awliya'*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Bukhārī, Muḥammad Bin Ismā'īl. (1419H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Mawsū'āt al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Ṣāliḥ Ibn 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaikh. Riyadh: Dār al-Salām Li al-Nasyr Wa al-Tawzi'.

Al-Dhahabī, Muḥammad Bin Aḥmad. (1988). *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibār*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Al-Nawawī, Yaḥya Bin Sharaf. (T,t). *al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.

Al-Marghinānī, 'Alī Bin Abī Bakr. (1417H). *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*. Pakistan: Idārah al-Quran Wa al-'Ulūm al-Islāmiah.

Al-Nuwayrī, Muḥammad Bin Muḥammad. (2003). *Syarḥ Tayyibah al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-'Asyr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiah.

Al-Qaṣṭallanī, Aḥmad Bin Muḥammad. (1434H). *Laṭā'if al-Isharāt Li Funun al-Qirāāt*. al-Su'ūdiah: Muḥamma' Malik Fahd Li Ṭibā'ah al-Muṣhaf al-Sharīf.

Al-Suyūṭī, Jalāluddīn. (2006). *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Quran*. Kaherah: Dār al-Fajr Li al-Turath.

Al-Ṭabrānī, Sulaimān Bin Aḥmad. (1995). *Al-Mu'jam Al-Awsaṭ*. Kaherah: Dār al-Ḥaramain.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad Bin Muḥammad. (2006). *al-Nasyr Fī al-Qirāāt al-'Asyr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad Bin Muḥammad. (2006). *Al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. Jeddah: Dār Nūr al-Maktabāt.

Ibn al-Jazarī. (2007). *Munjid al-Muqriin*. Tanta: Dār al-Şahābah.

Ibn Manẓur, Muḥammad Bin Mukrim. (T,t). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Şādir.

Ibn Mujahid, Aḥmad Bin Mūsa. (2007). *al-Sab’ah Fi al-Qirāāt*. Tanta: Dār al-Saḥābah.

‘Işāmuddīn Aḥmad Bin Muşṭafa Bin Khalīl. (1421H). *Syarḥ al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. al-Su’udiah: Mujamma’ Malik Fahd Li Ṭibā’ah al-Muṣhaf al-Şarīf.

Muslim Bin al-Ḥajjāj. (1419H). *Şaḥīḥ Muslim, Mawsū’āt al-Ḥadīth al-Şarīf al-Kutub al-Sittah*. Şāliḥ Ibn ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Şaikh. Riyadh: Dār al-Salām Li al-Nashr Wa al-Tawzi’.

Zakaria al-Anşārī. (T,t). *Al-Daqāiq al-Muḥkamah Fī Sharḥ al-Muqaddimah*. Iskandariah.